

NAMA : _____

KELAS: _____



SEKOLAH KEBANGSAAN KG. LUAK
LOT 1164, JALAN LUAK 2, KAMPUNG LUAK,
JALAN BAKAM, 98000 MIRI, SARAWAK



UJIAN FORMATIF 2/2024

Bahasa Melayu

Tahun 4

Julai 2024

1 Jam 30 Minit

90 min

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

MAKLUMAT UNTUK CALON

ARAHAN:

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

1. Kertas soalan ini mengandungi 4 bahagian. **Bahagian A, B, C dan Bahagian D.**

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

2. *Murid dikehendaki menjawab Keempat empat bahagian ini.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan.*

Bahagian A*[10 markah]***Soalan 1 dan 2***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1** Pesta Layang-layang Antarabangsa di Putrajaya akan disiarkan secara langsung ke _____ negara.
- A** segala
 - B** setengah
 - C** seluruh
 - D** sebanyak
- 2** Raut muka Ramli kelihatan _____ kerana tidak sihat.
- A** pudar
 - B** pucat
 - C** lemah
 - D** lenguh

Soalan 3

- 3** *Pilih ayat yang betul.*
- A** Azman diikuti rombongan lawatan sekolahnya ke Melaka.
 - B** Chong Lee menuntun basikal kerana tayar basikalnya pancit.
 - C** Jian Lee terkumpul sampah supaya halaman rumahnya bersih.
 - D** Siva akan pengambil bahagian dalam acara lompat tinggi.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aiman menghabiskan cuti hujung minggu bersama keluarganya. Mereka menyertai sambutan hari keluarga di taman rekreasi. Sambutan yang diadakan dapat memupuk semangat kemasyarakatan. Hubungan sesama jiran dapat dieratkan dan keharmonian negara dapat diwujudkan.

Aiman menyertai pertandingan mewarna poster di pondok rehat dan pertandingan mencari harta karun sepanjang laluan pejalan kaki. Dia gembira kerana dapat mengisi masa lapangnya dengan aktiviti yang berfaedah.

- 4 Di manakah Aiman menyertai aktiviti mencari harta karun?
 - A Di pondok rehat
 - B Di rumah Aiman
 - C Di laluan pejalan kaki
 - D Di rumah jiran Aiman

- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Sambutan hari keluarga diadakan di rumah jiran Aiman.
 - B Jiran dan Aiman menyertai pertandingan mencari poster.
 - C Keluarga Aiman menyertai pertandingan mencari harta karun.
 - D Aiman menghabiskan cuti hujung minggu bersama keluarganya.

- 6 Berikut ialah tujuan hari keluarga diadakan *kecuali*
 - A menyertai pelbagai pertandingan.
 - B memupuk semangat kemasyarakatan.
 - C mengeratkan hubungan sesama jiran.
 - D mewujudkan keharmonian negara.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KELAS MASAKAN MAKANAN TRADISIONAL

TEMPAT:
Balai Raya Kampung Seri

TARIKH / HARI:
30 dan 31 Disember 2022
(Jumaat dan Sabtu)

MASA:
8:00 pagi hingga 1:00 tengah hari



AKTIVITI MENARIK

- Kotak misteri
- Cabutan bertuah
- Pertandingan uji rasa
- Pertandingan menghias makanan

MENU MAKANAN


- Laksa
- Rendang
- Nasi lemak

KUIH-MUIH

- Seri muka
- Kuih bakar

**DAFTAR
SEGERA**



BAHAN 2

Dina sedang membaca surat khabar di ruang tamu rumahnya. Tiba-tiba, Dina terhidu sesuatu yang enak lalu *segera* ke dapur. Dina melihat ibunya sedang leka membuat kuih bakar pandan untuk minum petang.

Dia segera membantu ibunya membakar kuih dan membancuh air kopi. Inilah kali

pertama dia belajar membuat kuih tradisional.

7 Antara aktiviti yang disediakan dalam Kelas Masakan Makanan Tradisional ialah

- A pertandingan uji rasa.
- B cabutan kotak misteri.
- C memasak kuih segera.
- D kelas menghias makanan.

8

Dina sedang membaca surat khabar di ruang tamu rumahnya.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A ikat.
- B gulung.
- C naskhah.
- D bungkus.

9 Perkataan *segera* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A ligat.
- B cepat.
- C kencang.
- D tangkas.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Peserta memasak rendang di dapur.
- B Ibu sedang leka memasak kuih seri muka.
- C Dina membaca surat khabar di ruang tamu.
- D Peserta membantu Dina memasak laksa.

Bahagian B

[10 markah]

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



Pada Suatu hari Selvi bermain di bawah sebatang pokok. Terdapat seekor ular di dalam rimbunan pokok itu tetapi Selvi tidak menyedarinya. Selvi hampir dipatuk ular itu.

Namun, Selvi bernasib baik kerana Si Tompok kucing kesayangannya mengiau seolah-olah memberi amaran kepadanya. Si Tompok yang berani berlawan dengan ular itu dan berjaya mengusirnya. Selvi terselamat dan dia amat menyayangi kucingnya Si Tompok.

1 (a) Selvi tidak menyedari di rimbunan pokok ada_____.

[1 markah]

(b) Bagaimanakah Si Tompok dapat menyelamatkan Selvi daripada dipatuk ular ?

[2 markah]

(c) *Gariskan satu kata nama khas yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*



Selvi terselamat dan dia amat menyayangi kucingnya Si Tompok.

[1 markah]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Si Tompok yang berani berlawan dengan ular itu dan berjaya mengusirnya

Ular yang berani itu berlawan dengan Si Tompok dan berjaya mengusirnya.	
Ular itu berjaya diusir oleh Si Tompok yang berani berlawan dengannya.	

[1 *markah*]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.***

2

Ravi makan di kantin sekolah pada waktu rehat. Dia ternampak seekor kucing terjatuh ke dalam longkang.

Apakah yang akan Ravi lakukan ?

[5 markah]

Bahagian C


[10 markah]

Grafik di bawah berkaitan dengan penjagaan tandas.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kebersihan tandas**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

AKTIVITI KECERIAAN KELAS



papan hitam	menyusun	membuang	menyapu	teratur
membersihkan	bergotong-royong	pemadam	kemas	kelas

[20 markah]